SEMINAR BERSAMA UNIVERSITI TEMPATAN

# *MASA HADAPAN UNIVERSITI DI MALAYSIA*

**9 - 10 Oktober 1993**

**Hotel Riverside Majestic**
**Kuching**

*Anjuran*

**UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK**

SEMINAR BERSAMA UNIVERSITI TEMPATAN

# *MASA HADAPAN UNIVERSITI DI MALAYSIA*

9 - 10 Oktober 1993
Riverside Majestic Hotel
Kuching

*Anjuran*

UNIVERSITI MALAYSIA
SARAWAK

unimas

Seminar Bersama Universiti Tempatan

# *MASA HADAPAN UNIVERSITI DI MALAYSIA*

## ATURCARA MAJLIS PERASMIAN

**Tarikh:** 9 Oktober 1993
**Tempat:** Sarawak Chamber
Hotel Riverside Majestic

| | | |
|---|---|---|
| Sebelum 8.30 pagi | - | Ketibaan dan pendaftaran peserta seminar |
| Sebelum 8.45 pagi | - | Ketibaan para jemputan khas |
| 9.05 pagi | - | Ketibaan Yang Berhormat Menteri Pendidikan Malaysia |
| 9.10 pagi | - | Ucapan Aluan Naib Canselor UNIMAS |
| 9.30 pagi | - | Ucapan Perasmian oleh YB Menteri Pendidikan |
| 10.10 pagi | - | Jamuan ringan |

---

Peserta dan para jemputan dipersilakan menghadiri sesi bergambar pada jam 10.30 pagi di Sarawak Chamber.

Seminar Bersama Universiti Tempatan

# *MASA HADAPAN UNIVERSITI DI MALAYSIA*

## PROGRAM SEMINAR
**9 Oktober 1993**

SESI I - KERTAS UNIVERSITI

| | |
|---|---|
| 10.50 - 11.30 am | Falsafah Pendidikan Universiti dalam Konteks Wawasan 2020<br>*Prof Dr Osman Bakar*<br>Universiti Malaya |
| 11.30 - 12.10 pm | UPM: Agenda Abad Ke-21<br>*Prof Dr Syed Jalaludin Syed Salim*<br>Universiti Pertanian Malaysia |
| 12.10 - 12.50 pm | Sistem Modular UTM: Ke Arah Organisasi dan Pengurusan Endah<br>*Prof Dato' Dr Muhammad Ridzuan bin Haji Salleh*<br>Universiti Teknologi Malaysia |
| 12.50 - 2.00 pm | Rehat |

SESI II - KERTAS TEMA

| | |
|---|---|
| 2.00 - 2.40 pm | Universiti di Malaysia: Ke Arah menghadapi Realiti Masa Hadapan<br>*Prof Dr A L Ramaiah*<br>Universiti Malaya |
| 2.40 - 3.20 pm | Reformasi Pendidikan Tinggi<br>*Prof Dr Sulaiman Mohd Yassin*<br>Universiti Pertanian Malaysia |
| 3.20 - 3.40 pm | Rehat |

| | |
|---|---|
| 3.40 - 4.20 pm | Penyesuaian Pelajar di Institusi Pengajian Tinggi<br>*Prof Dato' Dr Abdul Halim Othman*<br>Universiti Kebangsaan Malaysia |
| 4.20 - 5.00 pm | Universiti dalam Proses Pembentukan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputra<br>*Prof Madya Dr Mohd Salleh Haji Din*<br>Universiti Utara Malaysia |
| 5.00 - 8.30 pm | Rehat |
| 8.30 - 9.10 pm | Sistem Governans yang Sesuai Untuk Mengurus Universiti Tempatan<br>*Prof Madya Dr Ghazali Othman*<br>Universiti Sains Malaysia |
| 9.10 - 10.00 pm | DISKUSI BERKUMPULAN |

**10 Oktober 1993**

| | |
|---|---|
| 8.30 - 9.10 am | Universiti Gelombang Kelima<br>*Prof Dato' Dr Zawawi Ismail*<br>Universiti Malaysia Sarawak |
| 9.10 - 10.15 am | DISKUSI BERKUMPULAN |
| 10.15 am | Rehat |
| 10.45 - 12.30 pm | DISKUSI BERKUMPULAN |
| 12.30 - 2.00 pm | Rehat |
| 2.00 - 2.45 pm | PEMBENTANGAN RESOLUSI |
| 3.00 pm | Majlis Penutup. |

## Senarai Peserta

### Universiti Kebangsaan Malaysia
(*Pegawai Pengiring*: Prof Madya Dr Mohd Azib Salleh)

1. Prof Dr Shahrir Mohd Zain
2. Prof Dr Robiah Sidin
3. YBhg Prof Dato' Dr Abdul Halim Othman

### Universiti Malaya
(*Pegawai Pengiring*: Prof Dr Razali Arof)

4. Dr Mohamed Taib Osman
5. Dato' Prof. Khoo Kay Kim
6. Prof Dr Osman Bakar
7. Prof A L. Ramaiah
8. Dr Mohd Amin Mohd Sura
9. Prof Madya Anuar Zaini b. Mohd. Zain

### Universiti Malaysia Sarawak

10. YB Prof Dato' Dr. Zawawi Ismail
11. Prof Dr Ghazally Ismail
12. Prof Madya Dr Yusuf Hadi
13. Prof Dr Murtedza Mohamed
14. Prof Dr Laily b Din
15. Prof Dr Mohd Zahran Dato' Sheikh Abdul Halim
16. Prof Dr Razali Arof
17. Prof Madya Dr Halimahtun Dato' Mohd Khalid
18. Prof Madya Dr Mohd Azib Salleh
19. Prof Madya Dr Sulaiman Hanapi
20. Prof Madya Mohamad Hatta Azad Khan
21. Prof Madya Dr Zaidah Abd Razak
22. Prof Madya Dr Ibrahim Mamat
23. Dr Awang Iskanderzulkarnein Pengiran Rayari
24. Pn Kamariah Janor
25. Awangku Abdul Rahman Pengiran Yusof
26. Dr Peter Songan
27. Mohd Fariduddin Mohd Yusof

## Universiti Pertanian Malaysia
(*Pegawai Pengiring*: Dr. Peter Songan)

28. Prof Syed Jalaludin Syed Salim
29. Prof Sulaiman Mohd Yassin
30. Prof Mohd. Mahyuddin Mohd Dahan
31. Prof Mohamed bin Sulaiman
32. Prof Madya Zainal Abidin Kidam

## Universiti Sains Malaysia
(*Pegawai Pengiring*: Dr. Muney Serit)

33. Prof Madya Dr Ghazali Othman

## Universiti Teknologi Malaysia
(*Pegawai Pengiring*: Dr Awang Iskanderdzulkarnein)

34. YBhg Dato' Prof Dr Muhammad Ridzuan bin Haji Salleh
35. YBhg Prof Dr Mohamad Noor bin Haji Salleh
36. Prof Parid Warid Wardi Sudin
37. Tn Hj Ismail Ibrahim
38. Prof Madya Dr Yusof Abu Bakar
39. Prof Dr Abu Azam Mohd Yassin
40. Prof Dr Azman Awang
41. Prof Salman Leong
42. Prof Madya Omar Munir

## Universiti Utara Malaysia
(*Pegawai Pengiring*: Dr Othman Mohd Yatim)

43. Dr Mohd Salmi Mohd. Sohod
44. Prof Madya Dr Mohd Salleh Hj Din
45. Dr Mohamad Hanapi Mohamad

SEMINAR/BENGKEL BERSAMA UNIVERSITI TEMPATAN

# MASA HADAPAN UNIVERSITI DI MALAYSIA

**9 - 10 Oktober 1993**

Riverside Majestic Hotel
Kuching

*Anjuran*

UNIVERSITI MALAYSIA
SARAWAK

## Program

**9 Oktober 1993**

| | |
|---|---|
| 8.30 - 9.00 am | Majlis Perasmian Seminar/Bengkel |
| 9.00 am - 12.45 pm | FORUM UNIVERSITI |
| 9.00 - 10.20 am | Kertas Universiti |
| 10.20 - 11.00 am | Rehat |
| 11.00 - 1.00 pm | Kertas Universiti |
| 1.00 - 2.00 pm | Rehat/Makan Tengahari |
| 2.00 - 9.50 pm | KERTAS TEMA |
| 2.00 - 3.20 pm | Tema 1 **Pentadbiran/Organisasi Universiti** |
| 3.20 - 3.50 pm | Rehat |
| 3.50 - 5.10 pm | Tema 2 **Universiti dan Kerajaan** |
| 5.10 - 8.30 pm | Rehat/Makan Malam |
| 8.30 - 9.50 pm | Tema 3 **Kakitangan, Penyelidikan dan Pengajaran Universiti** |

**10 Oktober 1993**

| | |
|---|---|
| 8.30 - 9.50 am | Tema 4 **Reformasi Sistem Pendidikan Tinggi** |
| 9.50 - 10.30 am | Rehat |
| 10.30 am - 12.45 pm | DISKUSI KUMPULAN |
| 12.45 pm - 2.00 pm | Rehat/Makan Tengahari |
| 2.00 pm - 3.00 pm | PEMBENTANGAN RUMUSAN |
| 3.00 pm | Penutup. |

## Penyertaan

Untuk mewujudkan suasana perbincangan yang kondusif, seminar/bengkel ini bercadang menghadkan bilangan peserta kepada sekitar 50 orang. Bagi maksud ini, bilangan maksimum wakil dari setiap universiti akan dihadkan kepada 8 orang, termasuk pembentang kertas. Borang Pendaftaran boleh dikemukakan sama ada melalui universiti masing-masing atau secara individu. Keutamaan pendaftaran akan diberi kepada yang awal memohon.

## Bayaran

### *Yuran*

Yuran token RM100.00, sekadar untuk menampung kos penyediaan bahan seminar/bengkel, akan dikenakan ke atas setiap peserta. Makan tengahari dan merarau akan disediakan oleh penganjur.

### *Penginapan*

Penginapan tidak disediakan oleh Penganjur. Walau bagaimanapun pihak penganjur akan membantu menguruskan penginapan peserta di Hotel Riverside Majestic. Kadar istimewa yang ditawarkan kepada peserta adalah RM 135.00 (*nett*) sehari termasuk sarapan pagi.

### *Lawatan/kegiatan Pascasidang*

Pihak hotel dan penganjur juga bersedia membantu peserta yang berminat untuk bersenggang di sekitar bandaraya Kuching. Maklumat mengenai kemudahan/lawatan berikut akan disediakan semasa pendaftaran.

- Kampung Budaya Sarawak
- Pusat Pemulihan Hidupan Liar Semenggok
- Berperahu di Sungai Sarawak
- Lawatan sekitar Bandaraya Kuching
- Bermain golf di Kelab Golf Damai/Sarawak
- Lawatan ke Kampus UNIMAS di Kota Samarahan

BORANG PENDAFTARAN

**SEMINAR/BENGKEL BERSAMA UNIVERSITI TEMPATAN**
***MASA HADAPAN UNIVERSITI DI MALAYSIA***
**9 - 10 Oktober 1993**

Urusetia
Seminar/Bengkel *Masa Hadapan Universiti Di Malaysia*
Universiti Malaysia Sarawak
Rumah SETIA, Jalan Taman Budaya
93000 Kuching, Sarawak

Sukacita sekiranya pihak tuan dapat mendaftar penama berikut:

Nama ..........................................................................................

Alamat

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

Telefon: ............................ Telefax: ..................................

Disertakan bersama ini cek Bank................................................
No. Cek. ......................................amaun RM ..................................
atas nama **Bendahari, Universiti Malaysia Sarawak**

Sukacita juga sekiranya pihak urusetia dapat membuat tempahan penginapan di Hotel Riverside Majestic, Kuching:

Berseorangan/Berkongsi*

Tempoh..........................................................................

Tandatangan .....................................Tarikh ...............................

***Tarikh akhir pendaftran adalah pada 26 September 1993***

## Pertanyaan

Sila ajukan pertanyaan berkaitan dengan bengkel ini kepada:


Urusetia Seminar
Pusat Pemindahan Teknologi dan Perundingan
Universiti Malaysia Sarawak
Rumah SETIA
Jalan Taman Budaya
93000 Kuching

Telefon: 082-428110
Telefax: 082-427716

Seminar Bersama Universiti Tempatan

## *MASA HADAPAN UNIVERSITI DI MALAYSIA*

### KENYATAAN AKHBAR

Satu seminar bersama di antara universiti tempatan telah diadakan di Kuching, Sarawak pada 9 - 10 Oktober 1993 bagi membincangkan isu yang berkaitan dengan Masa Hadapan Universiti di Malaysia.

Seminar ini dianjur oleh Universiti Malaysia Sarawak dan telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Datuk Amar Dr. Hj. Sulaiman bin Hj. Daud, Menteri Pendidikan Malaysia.

Sebanyak sembilan kertas kerja dibentangkan di seminar tersebut. Tema seminar memfokus kepada beberapa isu pokok yang menentukan masa hadapan universiti di Malaysia.

Di antara isu tersebut termasuklah persoalan asas mengenai matlamat dan arah universiti-universiti di Malaysia serta pengurusan universiti dan kesannya kepada polisi, pencapaian dan amalan institusi akademik dan pendidikan.

Seminar ini dihadiri oleh kira-kira lima puluh orang wakil dari universiti tempatan, termasuk Naib-naib Canselor, Timbalan-timbalan Naib Canselor, Profesor-profesor serta pegawai-pegawai kanan universiti.

Seminar ini dijangka membawa kepada suatu rumusan penting mengenai dasar yang dapat mengarah universiti di Malaysia supaya menjadi lebih bersedia, responsif dan pro-aktif menghadapi perubahan, di peringkat negara, wilayah dan juga antarabangsa.

Local Universities Joint Seminar

# *THE FUTURE OF UNIVERSITIES IN MALAYSIA*

## PRESS RELEASE

A seminar was held in Kuching, Sarawak on 9 - 10 October 1993 to discuss issues relating to the future of Malaysian universities.

The seminar was organized by Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) and was officially opened by Datuk Amar Dr. Sulaiman bin Hj. Daud, the Minister of Education.

Nine working papers were presented at the seminar. The theme of the seminar focused on several key issues on the future of universities in Malaysia.

Among the issues discussed were the objective and direction of Malaysian universities in the future besides the traditional issues related to the way universities are being governed and its effect on the policy, achievement and establishment of academic institutions.

About fifty representatives from local universities attended the seminar, including the vice-chansellors, deputy vice-chansellors, professors and senior officials of local universities.

The seminar is expected to result in the formulation of a policy proposal on how universities in Malaysia can be more responsive and pro-active to changes taking place locally, regionally and internationally.

## RESOLUSI BENGKEL

Bengkel mengambil perhatian bahawa:-

i. Cabaran-cabaran menjelang tahun 2020 untuk membangunkan Malaysia sebagai negara maju sepenuhnya di semua bidang: ekonomi, sosial, kejiwaan, psikologi dan kebudayaan, adalah begitu besar sekali;

ii. Cabaran-cabaran di atas lebih menggentarkan apabila diambilkira persekitaran `global' dan nasional yang ketidaktentuan, dinamik serta penuh persaingan. Antara trend dan ciri-ciri bagi dekad-dekad akan datang ialah meningkat-nya kesegajatan ekonomi dunia (globalisation), berleluasanya blok-blok perdagangan, beralihnya tumpuan pertumbuhan ekonomi kepada Pacific Rim, berkembangnya teknologi maklumat dengan pesat dan bertambahnya pengaruh keagamaan; dan

iii. Di peringkat nasional pula, negara, antara lainnya, sedang mengalami transformasi dalam struktur ekonomi, perubahan dalam struktur kependudukan dan permintaan tenaga manusia, peningkatan permintaan untuk mendapatkan pendidikan tinggi dan cabaran untuk mewujudkan keseimbangan di antara matlamat pertumbuhan

ekonomi dan pengagihan yang saksama.

Sehubungan ini, Bengkel menerima hakikat bahawa, dalam usaha untuk maju dan supaya negara dapat mengekalkan pertumbuhan yang pesat, beralih kepada aktiviti-aktiviti yang mempunyai nilai tambahan yang tinggi serta meningkatkan daya saing perindustrian, tidak ada yang lebih penting daripada pelaburan dalam pembangunan sumber manusia. Dalam konteks ini, universiti tempatan, sebagai mercu sistem pendidikan kebangsaan, memikul tanggungjawab yang amat berat lagi penting. Universiti perlu bertindak sebagai agen perubahan dalam usaha mencapai matlamat wawasan negara, menyahut cabaran keperluan sumber manusia dan, seterusnya memanfaatkan ilmu.

Bengkel juga berpandapat bahawa universiti-universiti tempatan telah membina tradisi yang kukuh dalam mengejar (pursuit) ilmu pengetahuan dan menjalankan usaha-usaha penyelidikan, kesarjanaan dan sumbangan kepada masyarakat melalui perundingan dan pengembangan. Adalah jelas bahawa universiti-universiti tempatan telah banyak menyumbang kepada pembangunan tenaga profesional, pengurusan dan teknikal serta menjadi sumber pengetahuan, teknologi dan maklumat negara. Sebagai sebahagian daripada masyarakat pendidikan tinggi antarabangsa, universiti-universiti tempatan telah juga

memperlihatkan komitment kepada kebebasan akademik, perkembangan intelektual dan mempunyai jalinan hubungan dalam dan luar negeri yang kian meluas.

Walau bagaimanapun, dengan mengambilkira cabaran-cabaran yang perlu dihadapi dan tanggungjawab yang telah menjadi lebih berat dan rumit, Bengkel mengenalpasti beberapa kelemahan dan kekangan, khususnya dalam aspek-aspek berikut:-

4.1 Sebagai sebahagian daripada sistem sosial yang berkembang dan berubah dengan pesatnya, universiti tempatan agak lembab untuk menyesuaikan diri dengan perubahan-perubahan dipersekitarannya. Sistem universiti dan tradisi yang diwarisi itu kurang mampu atau bersedia untuk melakukan perubahan untuk menghadapi cabaran-cabaran semasa dan di masa hadapan;

4.2 Sebagai badan berkanun, universiti tempatan dikehendaki beroperasi dalam linkungan dasar dan peraturan-peraturan perkhidmatan awam tertentu. Antara lainnya, ini boleh dilihat daripada perspektif sistem pengambilan pelajar yang `elitist' serta kesan-kesan yang mungkin tidak menggalakkan dari segi sistem saraan, organisasi dan keanggotaan. Satu daripada

akibatnya ialah masalah menarik dan mengekalkan tenaga pengajar yang berkelayakan dan berkualti; dan

4.3 Peruntukan perbelanjaan bagi penubuhan dan pembangunan universiti tempatan serta kos operasinya adalah besar dan terus meningkat. Kos unitnya merupakan di antara yang paling tinggi berbanding dengan negara-negara lain di dunia. Hampir keseluruhan peruntukan yang diperlukan adalah ditanggung oleh Kerajaan. Pada masa yang sama peraturan-peraturan perkhidmatan awam tidak membolehkan universiti tempatan mempunyai autonomi dalam memperolehi dan mengurus hal-hal kewangannya.

Dengan berdasarkan pemerhatian dan pandangan-pandangan seperti di atas itu, Bengkel dengan ini, mengemukakan resolusi-resolusi seperti berikut:-

5.1. <u>Misi dan Peranan</u>

5.1.1 Misi dan peranan universiti tempatan hendaklah merangkumi perkara-perkara berikut:-

(i) melahirkan individu yang berfikir, memiliki kemahiran kognitif, saintifik, berbudaya, mempunyai

kekuatan moral, kesetiaan dan komitmen kepada masyarakat dan negara;

(ii) mencapai kecemerlangan pengajaran, penyelidikan dan kesarjanaan;

(iii) menyumbang kepada pembentukan negara dan penyusunan semula masyarakat yang berbilang kaum melalui falsafah pendidikan dan perancangan pembangunan tenaga manusia;

(iv) menentukan supaya pendidikan universiti mengimbangi antara pengetahuan `functional' dan pengetahuan `universal';

(v) mendemokrasikan pendidikan tinggi dengan penambahan tempat belajar di institusi-institusi pendidikan tinggi (IPT);

(vi) menerap dan mengintegrasikan nilai-nilai etika dengan keupayaan profesionalisma selaras dengan Wawasan 2020; dan

(vii) menggalakkan pengantarabangsaan (internationalisation) pengajian tinggi supaya menambahkan pendapatan tukaran asing melalui kemasukan pelajar luar negeri serta meningkatkan pertumbuhan pengetahuan melalui penyelidikan dan pengambilan tenaga pengajar asing.

5.2. **Suruhanjaya Pendidikan Tinggi (Higher Education Commission)**

5.2.1 Suruhanjaya Pendidikan Tinggi (Higher Education Commission) perlulah ditubuhkan dengan mempunyai kuasa autonomi yang lebih luas serta dapat beroperasi secara lebih berkesan untuk memurnikan misi dan peranan universiti serta pendidikan tinggi amnya.

5.2.2 Suruhanjaya ini perlulah mengambilalih semua tugas berkaitan dengan pendidikan tinggi yang sekarang dijalankan oleh Bahagian Pendidikan Tinggi dan juga urusan kawalselia Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) Swasta yang dijalankan oleh Bahagian Pendaftaran Sekolah dan Guru,

Kementerian Pendidikan. Walau bagaimanapun, ianya hendaklah ditubuhkan di bawah Kementerian Pendidikan dan bertanggungjawab terus kepada Menteri Pendidikan.

5.2.3 Badan ini perlulah bertindak sebagai `one-stop agency' bagi universiti. Oleh itu, universiti tidak perlu lagi merujuk kepada Kementerian Pendidikan dan agensi-agensi pusat untuk mendapatkan peruntukan kewangan dan perjawatan.

5.2.4 Di antara kuasa, fungsi dan tanggungjawab Suruhanjaya Pendidikan Tinggi ini ialah:-

(i) membuat perancangan dan penilaian terhadap pendidikan tinggi;

(ii) menentukan dasar pengambilan dan pelunjuran pelajar IPT;

(iii) mengawasi perjalanan pengurusan IPT Awam;

(iv) menggubal dan mengawasi skim perkhidmatan yang sesuai untuk

IPT Awam (tidak termasuk politeknik);

(v) mendapatkan peruntukan kewangan dan mengawasi perbelanjaan universiti dan tabung penyelidikan daripada punca Kerajaan;

(vi) menilai sistem kewangan yang sedia ada dengan tujuan untuk membolehkan universiti mengurus sumber kewangannya sendiri secara autonomi;

(vii) menerima Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan universiti dan IPT untuk dikemukakan kepada Parlimen;

(viii) mendaftar dan mengawalselia IPT Swasta; dan

(ix) menjadi badan akreditasi negara untuk mempastikan mutu dan kualiti pengajaran dan pembelajaran di semua IPT.

## 5.3. Sistem `checks and balance' dan Akauntabiliti

5.3.1 Dengan wujudnya Suruhanjaya Pendidikan Tinggi dan pemberian kuasa autonomi yang lebih kepada universiti, perlulah diadakan sistem `checks and balance' seperti penilaian prestasi (performance evaluation), audit pengurusan dan `academic audit' untuk mempastikan universiti berakauntabiliti.

## 5.4. Majlis Universiti

5.4.1 Majlis Universiti hendaklah disusun semula untuk membolehkan badan ini menjalankan tanggungjawabnya secara lebih berkesan.

5.4.2 Sehubungan dengannya, Majlis seharusnya bertindak sebagai `Lembaga Pengarah' yang menentukan dasar umum dan arah perancangan masa depan universiti dan tidak melibatkan dirinya dalam keputusan-keputusan yang berkaitan dengan hal-hal operasi.